

01 SEP 2002

Najib-Bukti

UMNO ADA BUKTI PAS PINDAH PENGUNDI, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata parti itu mempunyai bukti bahawa PAS telah mengusahakan pemindahan pengundi di kawasan-kawasan pilihan raya di Kedah sebagai taktik untuk menguasai negeri pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata perkara itu didedahkan oleh Badan Perhubungan Umno Kedah menerusi satu siasatan selepas pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Anak Bukit dan Parlimen Pendang di Kedah Julai lepas.

"Kita (Umno) juga dapat bukti bahawa PAS telah mengeluarkan arahan tertentu secara spesifik kepada penyokong-penyokongnya supaya melakukan kerja pemindahan pengundi ini secara terancang dan tersusun berdasarkan satu pelan tindakan untuk membolehkan mereka menakluki negeri Kedah," katanya kepada pemberita selepas melancarkan penubuhan Puteri Umno Bahagian Serdang dekat sini.

Najib berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Pesuruhjaya Pas Kedah, Azizan Abdul Razak semalam yang menafikan dakwaan Umno bahawa parti pembangkang itu mengekalkan DUN Anak Bukit melalui penggunaan pengundi hantu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno kelmarin mendakwa kemenangan PAS pada pilihan raya kecil Anak Bukit bulan lepas dibantu oleh wujudnya pengundi hantu.

Najib berkata melalui siasatan itu, Umno Kedah mendapati 547 pengundi daripada empat peti undi semasa pilihan raya kecil itu bukan pemastautin atau bekerja di kawasan berkenaan, sebaliknya orang luar yang hanya muncul semasa hari mengundi.

Beliau berkata berdasarkan penemuan itu, pucuk pimpinan parti telah mengeluarkan arahan supaya siasatan dilakukan ke atas negeri-negeri lain bagi memastikan sejauh mana perkara itu berlaku.

"Kita akan menemui SPR bila sudah siapkan bukti (untuk membuat bantahan rasmi)," katanya.

Najib, yang juga Menteri Pertahanan, berkata perbuatan PAS itu mungkin dibantu oleh segelintir individu dalam Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

"Kita (Umno) tidak menyalahkan SPR sebagai sebuah organisasi tetapi mungkin di peringkat bawahan SPR itu ada sympathisers yang telah bekerjasama dengan parti politik (pembangkang) di luar untuk memasukkan penyokong-penyokong mereka dan mengeluarkan penyokong kita," katanya.

Beliau berkata perbuatan itu dapat dikesan berikutan kegagalan lebih 1,000 pengundi berdaftar yang mengundi Umno pada pilihan raya umum 1999 tidak dapat mengundi pada pilihan raya kecil itu kerana nama tiada dalam senarai.

Selain itu, katanya terdapat kelemahan dalam sistem pendaftar pemilih sekarang dengan SPR hanya memerlukan nama kampung asal pemilih untuk membolehkan individu berkenaan didaftarkan.

"SPR menerima alamat berdasarkan kampung, ia tidak berdasarkan rumah dan kebanyakan pengundi sangkut pada alamat kampung bukan pada alamat rumah. Jadi sukar untuk kita mengesan bila tiada alamat spesifik, jadi inilah beberapa kelemahan yang telah berlaku," katanya.

Pada majlis itu, kira-kira 2,000 anggota Umno hadir untuk meraikan perasmian Pergerakan Puteri Umno Bahagian Serdang yang mempunyai lebih 1,000 anggota.

-- BERNAMA

NM HS NAK